

20/04/1998

Bantuan menyelamat perlu meliputi IKS

Azhar Abu Samah

BANTUAN `menyelamat' oleh kerajaan harus diperluaskan kepada syarikat milik usahawan kecil dan sederhana (IKS) dan tidak hanya kepada syarikat besar.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Terengganu (DPPMT), Wan Mohd Albakri Mohd Noor, berkata IKS khususnya Bumiputera yang mempunyai modal berbayar di antara RM100,000 dan RM2.5 juta adalah usahawan baru dan kebanyakannya menjalankan perniagaan melalui program vendor dan francais.

"IKS memainkan fungsi penting dalam pembangunan industri negara dan sebagai syarikat sokongan kepada syarikat besar. Jika gagal, syarikat besar juga turut gagal dan program perindustrian negara akan turut terjejas," katanya di Kuala Terengganu, semalam.

Beliau membuat kenyataan itu sebagai mengulas laporan yang memetik Penasihat Ekonomi Negara, Tun Daim Zainuddin bahawa kerajaan tidak menolak kemungkinan campur tangan bagi menyelamatkan syarikat besar seperti United Engineers Malaysia Bhd (UEM) dan Renong Bhd.

Daim, dipetik dalam rencana The Bottomline buku Hidden Agenda, bagaimanapun menjelaskan, kerajaan tidak akan menggunakan wang rakyat bagi menyelamatkan syarikat terbabit.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan menimbang mengambil alih ekuiti syarikat berpotensi dan mengendalikan projek kepentingan awam sebagai usaha menyelamatkannya dan memastikan faedah rakyat tidak terjejas.

Mengulas perkara itu, Wan Mohd Albakri, berkata syarikat yang diurus dan mempunyai pengurusan yang baik tetapi menghadapi masalah disebabkan faktor di luar kawalan seperti kejatuhan nilai mata wang mesti diselamatkan supaya syarikat itu tidak dijadikan muflis atau digulung tikar oleh bank.

Katanya, syarikat besar yang diselamatkan dengan usaha kerajaan perlu memberi sokongan yang sama kepada IKS Bumiputera yang berpayung dengan mereka.

"Kerajaan mesti memastikan setiap syarikat yang akan diselamatkan itu mempunyai program dan strategi yang khusus untuk turut sama membantu syarikat IKS Bumiputera. Jika tiada program itu, usaha kerajaan menyelamatkan mereka adalah sia-sia," katanya.

Beliau berkata, DPPMT juga berpendapat institusi kewangan hendaklah bersimpati dengan syarikat IKS Bumiputera yang menghadapi masalah.

(END)